

Latihan Pengukuhan

Pilih jawapan yang tepat.

Bahagian A (Soalan Objektif)

Pilih jawapan yang tepat.

- 1 Maklumat berikut berkaitan dengan syarikat pelabur asing.

- Sime Darby
- Syarikat Borneo
- Syarikat Malayan Tin Dredging

Apakah ciri persamaan syarikat tersebut?

- A Membina bandar baharu
- B Memiliki modal yang besar
- C Memajukan industri perlombongan
- D Menambah peluang pekerjaan orang tempatan

- 2 Graf berikut menunjukkan pertambahan keluasan ladang getah antara tahun 1901 hingga 1912.

Tahun	Jumlah (ekar)
1901	5 965
1904	19 239
1908	240 000
1912	642 000

Mengapakah berlaku pertambahan tersebut?

- A Kejatuhan harga kopi
- B Galakan daripada raja
- C Buruh tempatan ramai
- D Bank tempatan ditubuhkan

- 3 Apakah kelebihan sistem ibedem yang diperkenalkan oleh H. N. Ridley?

- A Menjimatkan masa torehan
- B Meningkatkan mutu susu getah
- C Memanjangkan hayat pokok getah
- D Mengurangkan penggunaan tenaga buruh

- 4 Carta pai berikut menunjukkan pengeluaran bijih timah di negara kita.



Apakah rumusan anda berkaitan carta pai tersebut?

- A Pengeluar utama dunia
- B Memiliki teknologi moden
- C Pembangunan ekonomi pesat
- D Mempunyai buruh yang ramai

- 5 Jadual berikut menunjukkan cara kemasukan imigran ke Tanah Melayu.

Negara	Cara kemasukan
China	Sistem Kontrak
India	Sistem Kangani

Apakah persamaan antara kedua-dua sistem tersebut?

- I Tambang dibayar
- II Majikan ditetapkan
- III Tempoh bekerja bebas
- IV Latihan kemahiran diberi
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 6 Apakah kesan tindakan British berikut terhadap petani di Tanah Melayu?

- Memperkenalkan Enakmen Tanah Padi 1917
- Sekatan bantuan kredit pertanian

- A Kehilangan tanah
- B Import makanan meningkat
- C Pengeluaran beras berkurang
- D Penggunaan teknologi moden

- 7 Gambar berikut menunjukkan antara mata wang yang digunakan di negeri Melayu.



Dolar Sepanyol



Mata wang Negeri Selat



Mata wang negeri Melayu dan Borneo

Bab 6 Kesan Pentadbiran Barat terhadap Ekonomi dan Sosial

Apakah kesan penggunaan mata wang tersebut?

- A Banyak bank dibina
- B Pelabur asing bertambah
- C Mata wang tempatan terhapus
- D Mata wang memerlukan banyak emas

8 Apakah kesan perkembangan sistem pengangkutan berikut terhadap Tanah Melayu?

- Landasan kereta api
- Pembinaan jalan raya

- A Penghijrahan penduduk
- B Pewujudan sistem kewangan
- C Penguasaan ekonomi penjajah
- D Pengenalan tanaman komersial

9 Senarai berikut menunjukkan sekolah vernakular:

- Sekolah Melayu
- Sekolah Cina
- Sekolah Tamil

Apakah kesan daripada perkembangan sekolah vernakular tersebut terhadap Tanah Melayu?

- A Berlaku rusuhan kaum
- B Perpaduan sukar dicapai
- C Kemajuan tidak seimbang
- D Bilangan buruh meningkat

10 Apakah kejayaan daripada pembinaan Institut Penyelidikan Perubatan, Kuala Lumpur?

- A Bilangan doktor bertambah
- B Kelahiran penduduk meningkat
- C Rawatan tradisional dihapuskan
- D Wabak penyakit tropika terkawal